



60 staf sertai *ULead* UMP tingkat kompetensi kepimpinan staf

Oleh: MOHD. RUZAINI HASHIM

Seramai 60 orang staf kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 menghadiri Sesi Taklimat Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead* UMP) anjuran Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) yang diadakan pada 13 November 2015 yang lalu di Auditorium, Perpustakaan, UMP Kampus Gampang.

Program bertujuan memberi penerangan mengenai proses pelaksanaan Program Kepimpinan dan Pembangunan Sumber Manusia Strategik UMP (*ULead* UMP) meliputi program Pengurusan Bakat, Pelan Penggantian dan Profil Staf yang menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan 'Menuju Kegemilangan'.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, pelantikan perunding yang berpengalaman luas dalam bidang pembangunan sumber manusia iaitu Profesor Madya Haji Shoki mampu menjayakan program ini.

"Program *ULead* UMP dirangka secara sistematik dan khusus bagi mengenal pasti bakat-bakat yang ada pada staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 yang merupakan barisan pelapis bagi mengambil alih kepimpinan sedia ada di jabatan khasnya dan universiti amnya," katanya.

Beliau berkata, selama ini universiti telah melaksanakan Program

Pengurusan Bakat dan Pelan Penggantian, bagaimanapun melalui program *ULead* UMP ianya akan menjadi lebih sistematik, efektif dan efisien.

Menurut Pegawai Teknologi Maklumat, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK), Shahrol Azmi Amzat, melalui sesi taklimat ini beliau lebih jelas tentang pelaksanaan program *ULead* UMP dan faedahnya kepada staf dan universiti.

Beliau pada awalnya bimbang dan khuatir untuk menjalani program ini kerana menyangka terpaksa membaca banyak buku dan dokumen sepertimana pelaksanaan Penilaian Tahap Kompetensi (PTK) dulu bagi memastikan saya dapat melalui sesi penilaian dengan lancar dan jaya. Namun sangkaannya meleset kerana input yang diberikan melalui sesi taklimat ini menekankan fokus penilaian program *ULead* UMP berdasarkan kepimpinan.

Begitu juga dengan Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Nurull Syamimi Ahmad Abzan menjelaskan program anjuran universiti ini mampu menjayakan program pengurusan bakat dan pelan penggantian.

Manakala Penolong Pendaftar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Zahiruddin Mohd. Zain melahirkan rasa berbangga kerana terpilih mengikuti program *ULead* UMP ini bagi mengenal pasti bakat kepimpinan yang ada pada dirinya.

"Melalui program ini staf sendiri akan mengetahui secara sistematik berkenaan gaya kepimpinan yang digunakan dalam melaksanakan penambahbaikan bagi memastikan kemahiran kepimpinan dapat digunakan dalam menguruskan staf agar Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan dapat dicapai," katanya.

Begitu juga Pegawai Teknologi Maklumat, PTKM, Emmie Sharina Abdul Kadir berpendapat bakat kepimpinan perlu diperingkatkan terutamanya dalam mengendalikan tugas dan projek yang memerlukan pelaksanaan secara berpasukan bagi memandu staf yang lain mencapai matlamat yang ditetapkan.